

18 MAR 1996

Hamid - Tentera Darat

TENTERA DARAT DAPAT PERALATAN UTAMA DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETUJUH

KUALA LUMPUR, 18 Mac (Bernama) -- Tentera Darat, yang perlu menggantikan peralatan dan kemudahan yang digunakannya sejak zaman Darurat, dijangka diberi lebih peruntukan mengikut program pembelian peralatan ketenteraan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh (RMT).

Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar hari ini berkata peruntukan tambahan itu bagi membolehkan Tentera Darat melaksanakan rancangan pemodenannya yang akan meningkatkan kekuatan pergerakan dan persenjataan serta membangunkan kemudahan dan pangkalan latihan.

Rancangan Pembelian Keutamaan bagi Tentera Darat adalah termasuk kereta kebal (MBT), kereta perisai pengangkut, kenderaan logistik dan sistem komunikasi serta helikopter untuk unit penerbangannya.

"Terdapat keperluan untuk membeli MBT dan kita telah mengkaji pelbagai tawaran dengan pakej menarik yang termasuk pemindahan teknologi dan program offset," katanya kepada pemberita selepas melawat ibu pejabat Koperasi Angkatan Tentera di sini.

Antara yang telah membuat tawaran pembelian MBT itu ialah syarikat-syarikat dari Poland, Switzerland, Slovakia dan Korea Selatan.

RMT akan diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada persidangan Parlimen April ini.

Syed Hamid berkata program pembangunan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) kini hampir siap manakala pemodenan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) mengikut jadual dengan penempahan dua frigat yang dilengkapi peluru berpandu dari Britain, dua korvet buatan Itali serta komitmen kerajaan terhadap projek Kapal Peronda yang akan membina 27 kapal itu.

Beliau berkata: "Perkhidmatan yang masih memerlukan banyak peningkatan dan pemodenan ialah Tentera Darat."

Daripada segi kekuatan persenjataan, sistem persenjataan dan pergerakan, beliau berkata Tentera Darat masih dalam peringkat awal perubahan daripada pasukan antu pemberontakan kepada pasukan konvensional yang mempunyai keupayaan untuk melindungi negara.

Bagaimanapun, Syed Hamid berkata untuk menjadi pasukan konvensional yang berkemampuan, Tentera Darat perlu melalui perubahan termasuk dilengkapi peralatan baru yang memerlukan peruntukan sewajarnya.

Beliau juga berkata selain menyediakan helikopter untuk Tentera Darat, TLDM dan TUDM juga memerlukan helikopter baru.

Bagaimanapun, Syed Hamid berkata tidak banyak peruntukan yang boleh diberi segera bagi pembelian persenjataan baru dan peralatan berkenaan yang lain bagi Angkatan Tentera di bawah RMT.

"Terdapat pertambahan berbanding peruntukan dalam Rancangan Malaysia sebelum ini tetapi pertambahan itu tidak banyak digunakan untuk pembelian peralatan baru kerana kebanyakannya adalah untuk membiayai program pemodenan yang diluluskan pada Rancangan Malaysia sebelumnya yang telah di bawa ke hadapan," katanya.

Projek-projek " yang telah dibawa ke hadapan itu" perlu disiapkan tetapi kebanyakan program baru akan diberi peruntukan di bawah Rancangan Separuh Penggal, katanya.

Syed Hamid berkata perkara utama dalam hal ini ialah faedah yang dibawa projek-projek itu untuk negara dan menambah kata "tetapi kita perlu berwaspada dalam membuat pemilihan bagi memastikan kita mendapat yang terbaik." -- BERNAMA

MGM NAK

